


Fakta  
nombor

1,215 SEKOLAH

sudah melaksanakan  
Program Dwibahasa  
sejak 2016 dan 2017

214 SEKOLAH

memohon laksana  
Program Dwibahasa  
diluluskan



Mahdzir menziarahi penduduk di Perumahan Awam Kampung Baru Kuala Nerang, semalam.

## PELAKSANAAN PROGRAM DWIBAHASA

# 126 sekolah lagi laksana DLP

B/H 06/01/2018 M/S 06

→ Kementerian Pendidikan lulus permohonan tambahan untuk perkasa sistem pendidikan

Oleh Petah Wazzan  
iskandar  
wazzan@bh.com.my

► Kuala Nerang

**K**ementerian Pendidikan meluluskan tambahan sebanyak 126 sekolah yang akan melaksanakan Program Dwibahasa (DLP) minggu depan.

Perkara itu diumumkan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, semalam, yang melihat kelulusan terbabit mampu memperkasakan sistem pendidikan yang dimahukan ibu bapa.

“Pada Disember lalu, kita menerima permohonan sebanyak 214 sekolah yang mahu melaksanakan DLP tetapi hanya 88 yang diluluskan.

“Namun, pada hari ini (semalam), saya ingin memaklumkan

kan baki sebanyak 126 sekolah yang tidak diluluskan sebelum ini, dibenar dan diluluskan untuk melaksanakan DLP.

### Empat syarat laksana DLP

“Saya berpendapat apabila semua sekolah memenuhi empat syarat pelaksanaan DLP dengan mendapat sokongan ibu bapa, maka ia wajar diluluskan dan saya yakin sekolah yang sebelum ini tidak diluluskan hanya menghadapi sedikit masalah teknikal.

“Kelulusan ini menjadikan keseluruhan sekolah yang akan melaksanakan DLP 1,429, iaitu 1,215 sudah melaksanakan sejak 2016 dan 2017, manakala tambahan yang baharu ialah 214 sekolah, termasuk 88 yang diluluskan sebelum ini,” katanya selepas melawat seorang penduduk di Perumahan Awam Kampung Baru, di

sini, semalam.

Ketika ditanya sama ada sekolah yang baru diluluskan itu akan berdepan masalah, Mahdzir berkata, pihaknya yakin apabila semua sekolah berkenaan memohon untuk melaksanakan DLP, maka ia sudah pastinya menunjukkan sekolah terbabit sudah bersedia.

### Catat peningkatan

“Malah, paling utama ibu bapa yang mahukan DLP dilaksanakan sekolah anak mereka. Kita mencatatkan peningkatan setiap tahun dan ini jelas menunjukkan ia mendapat permintaan tinggi ibu bapa.

“Kebanyakan ibu bapa sangat meminati DLP kerana ia mampu memberi peningkatan penguasaan bahasa Inggeris, sekali gus membolehkan anak mereka pergi jauh untuk meneroka dunia ilmu,” katanya.